

‘Had jumlah peniaga, elak persaingan tidak sihat’

Kuala Lumpur: Gabungan Persekutuan dan Penaja Malaysia (G3PM) mahu kerajaan menghadkan peniaga di satu-satu kawasan Parlimen bagi mengelakkan persaingan tidak sihat antara peniaga.

Presidennya, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata kini terdapat lambakan peniaga di kawasan Parlimen terutama di Wilayah Persekutuan.

Selain terdapat lambakan peniaga, beliau berkata, kebanyakan mereka turut menjalankan perniagaan yang sama dan tidak memberi banyak pilihan kepada pembeli.

Justeru Rosli berharap, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menjalankan bancian bagi mengetahui kepadatan penduduk di Parlimen berkaitan.

“Di Wilayah Persekutuan termasuk Labuan, kita ada kira-kira 14 Parlimen justeru kita perlu adakan bancian untuk mengetahui berapa kepadatan penduduk

di satu-satu kawasan.

“Kita mahu hadkan peniaga di kawasan Parlimen, kalau terlalu ramai sangat peniaga akan jadi tidak seimbang dengan kepadatan penduduk berkenaan seterusnya jadikan ia sebagai persaingan tidak sihat.

“Maka pendapatan peniaga pula hanya kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mereka tak akan dapat pendapatan yang tinggi seterusnya tidak boleh meningkatkan taraf hidup mereka,” katanya pada sidang media, semalam.

Memberi contoh, Rosli berkata, di kawasan Bukit Bintang sering menjadi tumpuan peniaga untuk menjalankan perniagaan mereka dan tiada statistik berapa jumlah penduduk di Parlimen berkenaan untuk diimbangkan dengan lambakan peniaga.

“Kita juga akan melaksanakan satu sistem *Lock In*, iaitu tidak lagi benarkan peniaga untuk berniaga sesuka hati,” katanya.



Rosli (kiri) ketika sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aziah Azmee/BH)

Syor laksana pemetaan

Dalam pada itu, Rosli turut menyarankan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baharu, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif untuk melaksanakan peme-

taan atau *mapping* serta menambahbaik peniaga di tepi jalan.

“Kita tidak lagi mahu peniaga ini berniaga di tepi jalan, kita akan gunakan sistem *Lock In* itu untuk peniaga supaya mereka

beralih daripada konsep perniagaan statik kepada trak makanan atau *foodtruck*.

“Diharapkan kerajaan dapat melihat bagaimana untuk membantu peniaga ini beralih ke konsep kendera saji atau *foodtruck* seterusnya dapat menjadikan jalan raya lebih bersih kerana peniaga tidak tertumpu pada satu-satu tempat,” katanya.

Dalam pada itu, Rosli turut berharap pelantikan Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baharu itu dapat menyelesaikan pelbagai isu peniaga yang sudah tertangguh sejak sekian lama.

Antaranya lambakan warga asing yang jalankan perniagaan di Kuala Lumpur seterusnya mengacau periuk nasi warga tempatan.

“Kini pendapatan sehari peniaga tidak sampai RM100, jika dahulu sebelum COVID-19 dalam sehari mereka boleh dapat lebih RM100 serta mampu menyimpan RM3,000 sebulan,” katanya.